



**PEKELILING
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN BILANGAN
17/1974**

*Penyediaan Dan Jagaan Kepada Daftar-Daftar
Pegangan Borang A – Akta (Kawasan Penempatan
Beramai-ramai) Tanah, 1960*

Surat Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihati Pemungut-pemungut Hasil Tanah dan Pengurus-Pengurus Rancangan Tanah tentang penyediaan dan jagaan kepada daftar-daftar pegangan yang menggunakan Borang 'A' di bawah seksyen 12(1) Akta (Kawasan Penempatan Beramai-ramai) tanah, 1960

2. Seksyen 12(1) Akta (Kawasan Penempatan Beramai-ramai) Tanah, 1960 membekalkan bahawa sesaorang ataupun sesuatu badan akan berhak menduduki tanah desa atau tanah bandar (rural or urban holding) di dalam kawasan penempatan beramai-ramai, dengan harapan mendapat hakmilik bagi tanah itu apabila namanya atau nama pertubuhannya dimasukkan ke dalam daftar pegangan dalam Borang 'A' Akta tersebut. Catatan adalah dibuat di dalam daftar pegangan apabila pihak berkuasa pemberian milik membuat keputusan membenarkan tanah itu digunakan diduduki dengan harapan mendapat hakmilik baginya di bawah seksyen 10(1)(b). Syarat-syarat pemberian milik yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa adalah rekod yang penting bagi menyediakan daftar pegangan, bagi menguatkuasa mana-mana syarat-syarat nyata atau sekatan kepentingan dan juga bagi menyediakan suratan hakmilik kekal. Tidak terdapat satu ruangan di dalam daftar pegangan, iaitu Borang 'A' bagi mencatatkan syarat nyata yang demikian, untuk menguatkuasakan mana-mana syarat tersebut, rujukan kepada syarat-syarat pemberian milik yang ditetapkan adalah perlu.

3. Di bawah seksyen 11(3) syarat-syarat nyata yang dikenakan di bawah Akta tersebut adalah terpakai kepada tanah itu dan pemegang tanah itu adalah terpaksa patuh kepadanya. Syarat-syarat nyata ini akan mula berkuatkuasa daripada tarikh tanah itu diduduki dengan harapan mendapat milik yang diakui oleh satu daftar pegangan.

4. Adalah menjadi matlamat bahawa daftar pegangan disifatkan sebagai rekod kekal untuk menjadi, di antara lain, sebagai akuan untuk penyediaan dan keluaran suratan hakmilik kekal. Yang demikian daftar-daftar tersebut mestilah disimpan di dalam bilik kebal untuk keselamatan dan hendaklah dijadikan tanggungjawab bahagian pendaftaran.

5. Pemungut-pemungut Hasil Tanah dan Pengurus-pengurus Rancangan adalah dinasihat untuk menentukan –

(i) adanya syarat-syarat pemberimilik bagi tanah pegangan desa atau bandar (rural or urban holding) yang diluluskan oleh pihak berkuasa pemberian milik sebelum membuat catatan di dalam daftar pegangan Borang 'A';

(ii) salinan-salinan surat yang mengandungi syarat-syarat pemberimilik disimpan dan dijaga dengan baik di Pejabat Tanah bagi maksud menguatkuasakan syarat-syarat nyata dan juga bagi penyediaan suratan hakmilik kekal;

(iii) daftar-daftar pegangan mestilah disimpan di dalam bilik kebal Pejabat Tanah atau rancangan tanah untuk keselamatan dan bagi daftar yang disimpan di Pejabat Tanah, bahagian pendaftaran diberi tanggungjawab menyimpan dan mengemaskinikannya.

6. Pekeliling Pesuruhjaya Tanah bil 4/70 mengenai perkataan “Daftar Tanah Pegangan Di Bawah Undang-undang Tanah Kawasan Tempatan Beramai-ramai 1960” dengan ini dibatalkan.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD NOR,
Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan

P.T.TM 252/6-7
Kuala Lumpur,
Ogos, 1974